Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sambutan Hari Kanak-kanak

Sambutan Hari Kanak-kanak di Sekolah Kebangsaan Seri Mutiara sungguh meriah. Sambutan ini bertujuan untuk memberikan penghargaan dan mengiktiraf sumbangan kanak-kanak terhadap masa depan negara.

Bermacam-macam acara telah berlangsung pada hari itu. Acara itu terbahagi kepada dua kategori, iaitu acara berkumpulan dan perseorangan. Guru memberikan galakan kepada semua murid agar mengambil bahagian. Acara berlangsung dengan meriah sekali.

Sebelum aktiviti bermula, semua murid berhimpun di dewan sekolah. Mereka mendengar taklimat yang disampaikan oleh Cikgu Zakaria terlebih dahulu. Guru yang bertugas pula memberikan panduan dan arahan kepada murid tentang perkara yang perlu dilakukan. Alia dan Lina dilantik sebagai pembantu Cikgu Zakaria. Mereka ditugaskan menghias pentas untuk acara penutupan majlis.

1. Apakah sambutan yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Seri Mutiara?

_____

_____

2. Apakah tujuan Sambutan Hari Kanak-kanak ini diadakan?

_____

_____

3. Mengapakah semua murid berhimpun di dewan sekolah?

_____

_____

LIVEWORKSHEETS

4. Bagaimanakah suasana sambutan pada hari tersebut?

_____

_____

5. Yang memberikan panduan dan arahan kepada murid itu siapa?

_____

_____

6. Pada pendapat kamu, mengapakah Sambutan Hari Kanak-kanak ini diadakan?

_____

_____

LIVEWORKSHEETS